

Apa kata pemimpin

OH 13 DEC 2002

Kuala Lumpur

KEPUTUSAN Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) semalam yang memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan sebagai milik Malaysia tidak akan menjejaskan hubungan Malaysia dan Indonesia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kedua-dua negara sudah bersetuju membawa perkara itu ke ICJ dan persetujuan itu bermakna, Malaysia dan Indonesia sanggup menerima sebarang keputusan yang diputuskan mahkamah itu.

"Mungkin keputusan itu tidak berpihak kepada kita. Kalau ia tidak memihak kepada kita, kita terima," katanya sambil menyuarakan rasa gembira beriku-

tan keputusan ICJ itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dekat sini, malam tadi selepas menamatkan lawatan kerja dua hari di Jepun.

Perdana Menteri bagaimanapun berharap kepulauan itu tidak akan dituntut mana-mana pihak lain selepas ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sememangnya dari awal berpendapat bahawa kepulauan itu adalah milik negara ini.

"Segala keterangan cukup membuktikan kepulauan ini milik kita.

"Kita bersyukur kerana akhirnya masalah ini dapat diselesaikan secara aman," katanya.

Jakarta

DELEGASI Indonesia ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), mengucapkan tahniah kepada Malaysia atas kemenangannya menuntut Pulau Sipadan dan Ligitan.

Berikutan itu, Indonesia akan menghormati keputusan hakim ICJ memberi Sipadan dan Ligitan kepada Malaysia, kata ketua delegasi Jakarta ke ICJ, Abdul Irsan, semalam.

"Apa yang kami cuba usahakan ialah mengekalkan kestabilan, keamanan dan kedamaian serantau," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Indonesia, Hassan Wirayuda, mengakui kecewa dengan keputusan itu.

"Memang sukar menafikan bahawa kami kecewa kerana usaha

bersungguh-sungguh empat kerajaan Indonesia sejak 1997 tidak memberi hasil yang dijangkakan," katanya pada satu taklimat akhbar di Jakarta, semalam.

Bagaimanapun, seperti juga ketua delegasinya ke ICJ, beliau akur dengan keputusan ICJ dan menekankan hubungan dua hala dengan Malaysia tetap baik.

Pertikaian itu bermula pada 1969 apabila kedua-dua negara cuba membentuk sempadan maritim di Laut Sulawesi dan kawasan berdekatan.

Malaysia mengusahakan operasi peranginan di Sipadan seluas 12 hektar, manakala Ligitan lebih digunakan sebagai tempat persinggahan nelayan. — Ruter/AFP